

TERBUKA




PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

PENTADBIRAN
SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR
(PSPPSUK SELANGOR)

2021-2025


RINGKASAN
EKSEKUTIF





ISI KANDUNGAN

i	Perutusan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
iii	Kata Aluan Ketua Pegawai Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
v	Kata Aluan Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
1	Abstrak
2	Pengenalan
3	Teras Strategik TMK
4	PSPPSUK Selangor 2021-2025
5	Penjajaran Teras Strategik TMK PSPPSUK Selangor 2021-2025 Dengan Teras Strategik PSSUK Selangor 2018-2022
6	Strategi dan Program TMK
7	TERAS 1: Pemantapan Infostruktur Secara Inklusif dan Bersepadu
19	TERAS 2: Pengukuhan Infrastruktur Pendigitalan Stabil Dan Mampan
23	TERAS 3: Pemerkasaan Persekitaran Pendigitalan Pentadbiran Negeri
27	TERAS 4: Pengukuhan Kepakaran dan Kepimpinan Strategik Pendigitalan Pentadbiran Negeri
32	Perancangan Pelaksanaan Inisiatif TMK Pentadbiran SUK Selangor 2021-2025
32	Penutup



PERUTUSAN **SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua maka, Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran SUK Selangor bagi tahun 2021-2025 (PSPPSUK) berjaya digubal dan diterbitkan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang tinggi yang telah diberikan bagi menjayakan pembangunan pelan ini.

Pendigitalan perkhidmatan telah menjadi penggerak yang amat penting bagi memudahkan saling hubungan kerajaan dengan rakyat. Melalui pendigitalan, pelbagai perkhidmatan daripada pelbagai agensi kerajaan akan dapat disatukan dalam satu platform perkhidmatan digital sahaja. Inilah harapan besar Kerajaan Negeri untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Ia juga sebagai platform mewujudkan jalinan perkhidmatan yang mesra dan mudah kepada pengguna. Oleh itu sebagai langkah permulaan, arah tuju yang jelas perlu digubal bagi mencapai hasrat tersebut. Pelan ini akan memperjelaskan inisiatif pendigitalan yang lestari dan mampan. Pendigitalan perkhidmatan juga memerlukan penjawat awam Negeri Selangor meningkatkan kemahiran digital dan kepakaran masing-masing serta mampu berkolaborasi dengan pelbagai agensi yang berkaitan dengan sesuatu perkhidmatan.

Akhir sekali, saya berharap semua pihak yang terlibat akan dapat menghayati hala tuju pendigitalan perkhidmatan yang telah dirangka dalam pelan ini dan seterusnya dapat memberikan komitmen sepenuhnya serta berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan strategi dan program Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang dirancang dan telah dipersetujui dalam PSPPSUK Selangor 2021-2025, dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Dato' Nor Azmie Diron

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



KATA ALUAN

KETUA PEGAWAI MAKLUMAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dengan izinNya, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK Selangor) telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran SUK Selangor (PSPPSUK Selangor) 2021-2025. PSPPSUK Selangor ini merupakan satu dokumen yang menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan SUK Selangor untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. Ia memberi fokus kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi pendigitalan bagi tujuan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat selaras dengan visi Pelan Strategik SUK Selangor 2018-2022 sebagai Selangor Negeri "Smart and Caring". PSPPSUK Selangor telah mengambil kira senario persekitaran semasa dalam memastikan ia sentiasa kekal relevan selaras dengan perubahan dan perkembangan dunia teknologi kini dalam menuju era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

"Pendigitalan Pentadbiran Negeri Sinergi Kelestarian Masyarakat Pintar dan Peduli Rakyat" menjadi visi kepada PSPPSUK Selangor 2021-2025 dengan empat (4) teras utama pendigitalan iaitu: Pemantapan Infostruktur Secara Inklusif dan Bersepadu, Pengukuhan Infostruktur Pendigitalan Stabil dan Mampan, Pemerkasaan Persekitaran Pendigitalan Pentadbiran Negeri dan Pengukuhan Kepakaran dan Kepimpinan Strategik Pendigitalan Pentadbiran Negeri. Berpandukan Visi dan Teras Strategik tersebut, beberapa strategi dan program pendigitalan telah dirancang untuk dilaksanakan. Adalah diharapkan semua warga SUK Selangor dapat menghayati dan berusaha gigih bagi memastikan strategi dan program yang dirancang dalam pelan ini dapat direalisasikan pelaksanaannya dengan cemerlang.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan PSPPSUK Selangor 2021-2025. Terutamanya kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), SUK Selangor, Jawatankuasa Pemandu PSTM 2021-2025 dan Jawatankuasa Kerja PSTM 2021-2025 yang terdiri daripada pegawai-pegawai semua Bahagian di Pejabat SUK, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan Tanah dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

Dato' Zamani Ahmad bin Mansor

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN) /
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



KATA ALUAN **SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNYA, kita telah berjaya membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran SUK Selangor 2021-2025 (PSPPSUK Selangor).

Pelan strategik ini amat penting kepada PSUK Selangor untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan projek-projek pendigitalan perkhidmatan PSUK Selangor menjelang tahun 2025. PSPPSUK Selangor 2021-2025 telah menggariskan empat (4) teras strategik yang disokong oleh 11 Strategi, 35 Program serta 24 Sub Program. Strategi pendigitalan ini akan dilaksanakan selaras dengan misi strategik PSPPSUK ini iaitu bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri melalui pemanfaatan pendigitalan tuntas kearah mencapai "Selangor Negeri Pintar Berdayahuni di ASEAN 2025".

Keperluan untuk akses kepada infrastruktur maklumat kerajaan yang saling terhubung dan berintegrasi adalah kritikal pada masa kini dan lima tahun akan datang. Kerajaan negeri akan menggunakan data sebagai asas dalam pembuatan keputusan bagi tujuan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan polisi baharu. Oleh itu pelan ini telah mencadangkan inisiatif pengukuhan kepada Infrastruktur komunikasi maklumat, Integriti data dan integrasi sistem serta memperkukuhkan sistem penyampaian melalui tadbir urus pemantauan projek dan pelaporan yang lebih bermakna dan berkesan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Nor Azmie Diron, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBhg. Dato' Zamani Ahmad bin Mansor dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBrs. Dr Nor Fuad bin Abdul Hamid di atas sokongan, maklum balas dan nasihat yang telah diberikan sepanjang projek pembangunan pelan strategik ini. Saya dan semua warga BPM bertekad sedaya upaya akan melaksanakan hasrat yang terkandung dalam pelan strategik ini. Insyaa Allah.

Sekian, terima kasih.


Tuan Haji Hasim bin Zainal Abidin

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



ABSTRAK

PSPPSUK Selangor 2021-2025 merupakan pelan strategik yang mengandungi hala tuju inisiatif pendigitalan perkhidmatan SUK Selangor untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2025. Pelan ini merupakan pelan induk pendigitalan perkhidmatan kerajaan negeri bagi rujukan pegawai SUK Selangor yang sejajar dengan Pelan Strategik SUK Selangor 2018-2022. Strategi dan Program TMK yang dirancang adalah bertujuan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri melalui pemanfaatan pendigitalan tuntas kearah mencapai "Selangor Negeri Pintar Berdayahuni di Asean 2025"



**INISIATIF PENDIGITALAN
PERKHIDMATAN SUK
SELANGOR**



**TEMPOH PELAKSANAAN
2021-2025**



**SEJAJAR PELAN
STRATEGIK SUK
SELANGOR 2018-2022**

PENGENALAN


Perancangan TMK adalah penting bagi memastikan pelaksanaan inisiatif dan projek TMK selari dengan hala tuju dan matlamat organisasi. Perancangan strategik TMK ini perlulah menfokuskan kepada inisiatif TMK yang berkeutamaan dan memberi impak tinggi kepada penyampaian perkhidmatan organisasi. Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran SUK Selangor (PSPPSUK Selangor) telah disediakan bagi menggariskan perancangan pelaksanaan inisiatif pendigitalan untuk tempoh lima tahun iaitu untuk tahun 2021 hingga 2025. PSPPSUK Selangor telah mengambil masa selama enam bulan untuk dibangunkan dan digubal sepenuhnya iaitu bermula November 2020 sehingga April 2021.



Visi

Pendigitalan
Pentadbiran Negeri
Sinergi Kelestarian
Masyarakat Pintar
dan Peduli Rakyat

VISI & MISI



Misi

Memantapkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri melalui pemanfaatan pendigitalan tuntas kearah mencapai “Selangor Negeri Pintar Berdayahuni di ASEAN 2025”

TERAS STRATEGIK TMK

Teras Strategik TMK merupakan teras TMK utama kepada Pentadbiran SUK Selangor dalam menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek-projek TMK bagi menyokong bisnes teras Pejabat SUK Selangor. Empat (4) Teras Strategik TMK yang telah dikenal pasti untuk memacu hala tuju TMK selaras dengan Visi dan Misi PSPPSUK Selangor.

1 PEMANTAPAN INFOSTRUKTUR SECARA INKLUSIF DAN BERSEPADU

- Mengukuh dan mengintegrasikan infostruktur bagi meningkatkan pemanfaatan pendigitalan perkhidmatan pentadbiran negeri
- Memantapkan platform penyampaian perkhidmatan pendigitalan pentadbiran negeri bagi meningkatkan ketelusan dan mengaplikasikan konsep peduli rakyat

2 PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR PENDIGITALAN STABIL DAN MAMPAN

- Memperkukuhkan kawalan dan kesediaan infrastruktur TMK bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pendigitalan pentadbiran negeri
- Mempertingkatkan keselamatan infrastruktur TMK melalui pemusatan sumber pendigitalan pentadbiran negeri

3 PEMERKASAAN PERSEKITARAN PENDIGITALAN PENTADBIRAN NEGERI


- Memperkemaskan tadbir urus pendigitalan pentadbiran negeri melalui pemerkasaan jawatankuasa penyelarasan dan pengukuhan organisasi secara berkesan
- Memantapkan dasar pendigitalan pentadbiran negeri bagi meningkatkan pematuan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital negeri

4 PENGUKUHAN KEPAKARAN DAN KEPIMPINAN STRATEGIK PENDIGITALAN PENTADBIRAN NEGERI

- Memperkukuhkan kepakaran TMK melalui perancangan pembangunan modal insan secara sistematik
- Meningkatkan kolaborasi strategik bagi melahirkan pemimpin pendigitalan negeri yang dinamik dan responsif

PSPPSUK SELANGOR 2021-2025

Teras Strategik dan Program yang berkaitan



PENJAJARAN**TERAS STRATEGIK TMK PSPPSUK
SELANGOR 2021-2025****DENGAN****TERAS STRATEGIK PSSUK
SELANGOR 2018-2022****TERAS
STRATEGIK
TMK PSPPSUK
SELANGOR
2021 - 2025****TERAS 1**

**Pemantapan
Infrastruktur Secara
Inklusif dan
Bersepadu**

TERAS 2

**Pengukuhan
Infrastruktur
Pendigitalan Stabil
dan Mampan**

TERAS 3

**Pemeriksaan
Persekitaran
Pendigitalan
Pentadbiran Negeri**

TERAS 4

**Pengukuhan Kepakaran
dan Kepimpinan
Strategik Pendigitalan
Pentadbiran Negeri**

**TERAS
STRATEGIK
PSSUK
SELANGOR
2018 - 2022****TERAS 2**

**Menyelaras Perancangan
Dan Pembangunan
Infrastruktur Fizikal Dan
Digital Serta Kemudahan
Awam Demi Keselesaan
Dan Kesejahteraan
Rakyat**

TERAS 2

**Menyelaras Perancangan
Dan Pembangunan
Infrastruktur Fizikal Dan
Digital Serta Kemudahan
Awam Demi Keselesaan
Dan Kesejahteraan
Rakyat**

TERAS 1

**Mengoptimumkan
Pengurusan Ekonomi
Secara Komprehensif
Untuk Kesejahteraan
Rakyat**

TERAS 2

**Menyelaras Perancangan
Dan Pembangunan
Infrastruktur Fizikal Dan
Digital Serta Kemudahan
Awam Demi Keselesaan
Dan Kesejahteraan
Rakyat**

TERAS 3

**Memperkuh Taraf
Sosial Rakyat Negeri
Selangor Yang
Komprehensif Demi
Kesejahteraan Rakyat
Dan Kemakmuran
Negeri**

TERAS 4

**Memperkasa Sistem
Penyampaian
Perkhidmatan Awam
Bagi Memberikan
Perkhidmatan Terbaik**

TERAS 2

**Menyelaras Perancangan
Dan Pembangunan
Infrastruktur Fizikal Dan
Digital Serta Kemudahan
Awam Demi Keselesaan
Dan Kesejahteraan
Rakyat**

TERAS 3

**Memperkuh Taraf
Sosial Rakyat Negeri
Selangor Yang
Komprehensif Demi
Kesejahteraan Rakyat
Dan Kemakmuran
Negeri**

TERAS 4

**Memperkasa Sistem
Penyampaian
Perkhidmatan Awam
Bagi Memberikan
Perkhidmatan Terbaik**

TERAS 4

**Memperkasa Sistem
Penyampaian
Perkhidmatan Awam
Bagi Memberikan
Perkhidmatan Terbaik**

TERAS 4

**Memperkasa Sistem
Penyampaian
Perkhidmatan Awam
Bagi Memberikan
Perkhidmatan Terbaik**

TERAS 5

**Memastikan
Perancangan
Pembangunan Alam
Sekitar Negeri
Dilaksanakan Secara
Mampan**




STRATEGI & **PROGRAM TMK**

Berpandukan empat (4) Teras Strategik TMK yang telah dikenalpasti, sebanyak 11 Strategi dan 35 Program serta 24 Sub Program telah dibentuk. Semua program yang dicadangkan ini diharap dapat memantapkan perkhidmatan digital pentadbiran SUK Selangor bagi tahun 2021 sehingga tahun 2025. Ianya penting bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri melalui pemanfaatan pendigitalan tuntas kearah mencapai "Selangor Negeri Pintar Berdayahuni di ASEAN 2025".


4
Teras
Strategik



Strategi



Program



Sub
Program



TERAS 1: **Pemantapan Infostruktur Secara Inklusif dan Bersepadu**



STRATEGI :

**1. Pengukuhan Pendigitalan Bisnes Utama
Pentadbiran Negeri Selangor**Simbol

- ✓ Skop
- o Sub Skop
- Fungsi
- Sub Fungsi

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**1a. Pembangunan Sistem Bisnes Utama****2021-2023**

BKP, BPM

**i. Sistem Pengurusan Risiko Negeri
Selangor****2022-2023**

- ✓ Integrasi dengan Sistem GeoSmart
Selangor
- ✓ Pengurusan Bencana
- ✓ Pengurusan Pejabat
- ✓ Pengurusan TMK
- ✓ Sistem Pelaporan

BKP, BPM, UPEN

**ii. Sistem Pemantauan Projek di bawah
Jawatankuasa Tetap Pembudayaan
Inovasi dan Smart Selangor (Smart
Urus Digital – SUDI)****2021-2022**

BPM

- ✓ Repositori Projek
- ✓ Impak
- ✓ Perbelanjaan
- ✓ Pelan Pelaksanaan
- ✓ Pelaporan
- ✓ Skop
 - o Smart Selangor
 - o SSIPR
 - o Selangor Digital



Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**1b. Naik Taraf Sistem Bisnes Utama****2021-2022**

BK, BPM, BPSM

i. Sistem Pengurusan Aduan Awam Negeri Selangor (SISPAA)**2021-2022**

- ✓ Gerbang Tunggal Pengurusan Aduan Negeri Selangor
- ✓ SISPAA
- ✓ Aplikasi Mobile Telefon Pintar Respons Rakyat Selangor (RR 2.0)
- ✓ IR 4.0
- ✓ Integrasi dengan Sistem Aduan PBT

BK, BPM

ii. Tender Online Selangor 2.0**2021-2022**

- ✓ Peluasan skop proses perolehan secara menyeluruh
- ✓ Peluasan pelaksanaan ke agensi/ Jabatan Kerajaan Negeri
- ✓ Teknikal
 - o *Cloud*
- ✓ Modul Prestasi Pembekal

BPM

iii. Sistem Pembiayaan Pendidikan Selangor (SPPS)**2021**

- ✓ Penjenamaan daripada SISPIN
- ✓ Pembangunan Modul Baharu
- ✓ Pembangunan menggunakan framework baharu

BPSM, BPM



Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik

1c. Penambahbaikan Sistem Bisnes Utama

2021-2023

SPBT, BPM,
PD, UPEN

i. Sistem ePelelong

2021-2022

- ✓ Pembayaran secara dalam talian
- ✓ Pengeluaran lesen secara dalam talian
- ✓ Penambahbaikan Modul Pelelong

SPBT, BPM

ii. Sistem E-Sidang Dewan Negeri Selangor

2023-2024

- ✓ Pendigitalan semua dokumen semasa sidang Dewan: Kertas-Kertas Mesyuarat, Teks Ucapan Bajet dan soalan-soalan Dewan
- ✓ Persidangan Maya

PD, BPM

iii. Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR)

2021-2023

- ✓ One Stop Centre pemantauan dan penyelarasan pendigitalan 33 Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)
- ✓ Integrasi dengan Sistem-Sistem sedia ada, i.e YAWAS dan eBantuan JKM
- ✓ Data Bank sudah wujud dan telah ditentukan dengan BSH dan eKasih
- ✓ 33 IPR
- ✓ 6 kluster

UPEN, BPM

Program :**Tahun Sasaran
& Pemilik**

- ✓ Kerjasama 12 Agensi berikut
 - o Sektoral, UPEN
 - o SPBT, UPEN
 - o Makro, UPEN
 - o BPSM
 - o YAWAS
 - o SELCARE
 - o HIJRAH
 - o SIDEC
 - o PPAS
 - o LPHS
 - o Smartsel Sdn Bhd
 - o JKMNS
 - o Urusetia: BPM-MSSB-Sektoral
 - o Pembangun: STTSB

iv. Sistem Smart Project**2021-2022**

- ✓ Pengesahan kos dan siling projek
- ✓ Kemaskini peruntukan/kos/siling projek
- ✓ Kemaskini kemajuan fizikal & kewangan projek
- ✓ Pemantauan prestasi kewangan/fizikal projek
- ✓ Pemantauan penggunaan sistem
- ✓ Memperluaskan penggunaan kepada daerah – JKR Daerah & JPS Daerah

UPEN, BPM

v. Sistem GeoSmart Selangor**2021-2023**

- ✓ Lesen Perisian
- ✓ Integrasi dengan Sistem GIS di Jabatan/ Agensi/PBT Selangor
- ✓ Peluasan Kemasukan data daripada agensi pemilik data
- ✓ IR 4.0
- ✓ Jana Pendapatan
- ✓ Pembangunan Interface (MAC Address) dengan PBT
- ✓ Peluasan penggunaan sistem ke LUAS
- ✓ Aplikasi Mudah Alih
 - o Peluasan penangkapan data (data capturing) daripada kawasan luar bandar dan terpencil
 - o Peluasan liputan rangkaian komunikasi
- ✓ Integriti Data dan Kemaskini Data Terkini

UPEN, BPM

STRATEGI :

2. Pemantapan Infostruktur Pengurusan Organisasi Secara Sistematis dan Berkesan

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**2a. Pembangunan EA Bisnes Kritikal****2023-2024**

- ✓ Repositori
- ✓ Dashboard
- ✓ Dokumen EA
- ✓ Artifak As-IS dan To-Be
- ✓ Pemantauan infostruktur GeoSmart Selangor

UPEN, BPM

2b. Pembangunan Sistem eKursus**2022-2023**

- ✓ Modul Pemohonan Program Latihan
- ✓ Modul Pendaftaran Program Latihan
- ✓ Modul Rekod Latihan Pegawai
- ✓ Modul Kajian Kepuasan Peserta dan Kajian Keberkesanan Latihan
- ✓ Modul Sijil Kehadiran
- ✓ Modul e-Learning

BPSM, BPM

2c. Pelaksanaan DDMS PSUK Selangor**2022-2023**

- ✓ Peluasan pelaksanaan ke Bahagian/ Agensi/Jabatan Kerajaan Negeri/PDT
- ✓ Migrasi eSurat MB
- ✓ Migrasi eSurat SharePoint

BKP, BPM



Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**2d.Penambahbaikan Sistem Pengurusan
Organisasi****2022-2023**

BPSM, BPM, MMKN

i. Sistem Psikologi**2022-2023**

- ✓ Kaji semula struktur data sistem
- ✓ Kenalpasti dan bangunkan jenis-jenis ujian
- ✓ Libat urus dan kolaborasi dengan JPA

BPSM, BPM

ii. Sistem Track On dan Kiosk Drop & Go**2021**

- ✓ Teknikal
 - Code hardening

MMKN, BPM

**iii.Sistem Pengurusan Personel AMMKN dan
ADN Selangor****2021-2023**

- ✓ Penetapan Single Sign On (SSO) Sistem EGL YB AMMKN
 - Senarai Hospital
 - Senarai Rawatan
 - Senarai ahli keluarga YB AMMKN
 - Surat Pengesahan
- ✓ Pengisytiharaan harta YB AMMKN
- ✓ Menambahbaik Modul kehadiran:
 - Peluasan penggunaan kepada semua kakitangan SUK Selangor
 - Rekod WFH (CICO, Senarai Tugas WGH)
 - Kursus & muat naik dokumen
 - Kerja Luar & muat naik dokumen
 - Rekod & muat naik dokumen time slip, surat cuti sakit
- ✓ Pengiraan Tuntutan Kerja Lebih Masa
- ✓ Pengiraan Tuntutan Perjalanan
- ✓ Pengiraan Gantian Cuti Rehat
- ✓ Pengiraan Ganjaran Kontrak

MMKN, BPM



Program :

Tahun Sasaran & Pemilik

iv. Sistem eMMKN Selangor

2021

- ✓ Perolehan peranti & perisian
- ✓ Penyediaan sistem mesyuarat & server yang mengandungi ciri-ciri keselamatan tertinggi
- ✓ Pelantikan FT17
- ✓ Menaik taraf Bilik Mesyuarat MMKN Tingkat 20

MMKN, BPM

v. Sistem Docushare & Docuworks Unit MMKN

2022

- ✓ Penyelenggaraan sistem dan integrasi mesin fotokopi Unit MMKN
- ✓ Menaiktaraf versi aplikasi

MMKN, BPM

vi. Taskforce Khas Imbasan Dokumen MMKN Selangor Tahun 1959-2013

2021-2023

- ✓ Mengimbas dokumen terperingkat ke dalam Sistem Docushare MMKN

MMKN, BPM

vii. Sistem eHelpdesk

2021-2022

- ✓ Perkakasan
- ✓ Rangkaian
- ✓ First Level Support
- ✓ Aplikasi Mudah Alih
- ✓ Peluasan Penggunaan ke semua PDT
- ✓ Skop baharu: Pengurusan aduan bangunan SUK
- ✓ Integrasi dengan SISPAA bagi tujuan penyelarasan aduan

BPM

Program :	<u>Tahun Sasaran & Pemilik</u>
viii. Sistem e-aset	2021
✓ Peningkatan dan peluasan penggunaan ke semua PDT	BPM
✓ IR 4.0	
ix. Sistem eKuarters	2021-2023
✓ Permohonan	BPM, BKP
✓ Pengesahan	
✓ Aku Janji	
✓ Aduan	

STRATEGI :

3. Pengukuhan Gerbang Penyampaian Perkhidmatan Digital Pentadbiran Negeri Selangor

<u>3a.Pembangunan Portal Data Terbuka Negeri Selangor</u>	2022-2023
	UPEN, BPM
<u>3b.Pembangunan AI Chatbot Negeri Selangor</u>	2024-2025
✓ FAQ menggunakan AI (<i>Artificial Intelligence</i>)	BPM
<u>3c.Penambahbaikan Saluran Penyampaian Perkhidmatan Digital</u>	2021-2023
	BPM, BK
i. Portal Multimedia	2022
✓ Tambahan storan	
✓ Cloud	BPM, BK
✓ Backup	
✓ Arkib video	
✓ Latihan	
✓ Lesen Perisian Multimedia (PDT & Bhg SUK)	
✓ Studio	

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik

ii. Portal Selangor

2021

- ✓ Naik Taraf Versi
- ✓ Rekabentuk
- ✓ IR 4.0

BPM

3d. Penambahbaikan Kandungan dan Pendekatan Hebahan Portal PDT

2023

- ✓ Rekabentuk

BPM

3e. Kajian Rasionalisasi Portal Jabatan/ Agensi/PBT/PDT dan Cadangan Peningkatan Keberkesanan dan Impak

2021-2022

- ✓ Kriteria Penilaian
- ✓ Pendekatan Sub-Portal
- ✓ Kategori Jabatan/Agensi/PBT/PDT
- ✓ Platform Alternatif Standard Terbuka

BPM, PBT, JKN



STRATEGI :


**4. Pembangunan *Knowledge Hub* Pendigitalan
Perkhidmatan Negeri Selangor**

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**4a. Pembangunan Platform Perkongsian Data
Negeri Selangor (SDEX)****2021-2023**

- ✓ Framework
- ✓ API
- ✓ Garis Panduan
- ✓ Maklumat/Data
- ✓ Repositori Kod Sumber

BPM



Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik

**4b. Pelaksanaan Integrasi Sistem dan
Pemusatan Pangkalan Data Sistem-
Sistem Kerajaan Negeri Selangor (Selangor
Government Online Services)**

2022-2023

BPM

- ✓ Sistem PBT, PDT, Agensi dan Jabatan Kerajaan Negeri
- ✓ Pangkalan Data: GIS, Ekonomi, Bantuan Rakyat
- ✓ Framework
- ✓ API
- ✓ Garis Panduan
- ✓ Maklumat/Data
- ✓ Repositori kod sumber
- ✓ Pembangunan Knowledge Portal Negeri dan Dashboard





TERAS 2: **Pengukuhan Infrastruktur Pendigitalan Stabil Dan Mampan**



STRATEGI :

**1. Pengukuhan Infrastruktur TMK Asas
Secara Terancang dan Berkesan**Simbol

- ✓ Skop
- o Sub Skop
- Fungsi
- Sub Fungsi

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik1a. Perolehan Baharu dan Penggantian
Peralatan TMK Asas

2021-2025

BPM

1b. Pelupusan Aset TMK Secara Berjadual

2021-2025

BPM

1c. Pelaksanaan Desktop
Management System (DMS)

2022-2023

✓ Peluasan Pelaksanaan ke PDT

BPM

1d. Peningkatan Keupayaan Firewall dan IPS
(Intrusion Prevention System) Server dan
WAF (Web Application Firewall)

2021-2023

BPM





STRATEGI :

2. Pengukuhan Rangkaian Komunikasi Bersepadu Pentadbiran Negeri Selangor

2a. Pelaksanaan Kajian Prestasi Rangkaian dan Cadangan Naik Taraf Infrastruktur Rangkaian Komunikasi Pentadbiran Negeri

2021-2024

BPM, PTGS,
PNS, SSDU

- ✓ Cadangan Peningkatan Kelajuan
- ✓ Peluasan Liputan
- ✓ Keseragaman Peralatan
- ✓ Pelaksanaan Sistem iSPEK ke Seluruh Negeri
- ✓ Migrasi/Integrasi Rangkaian
- ✓ Rekabentuk
- ✓ Penggantian Floor Switch
- ✓ Penggunaan Rangkaian SeGNet (Smart Selangor)

2b. Pelaksanaan Kajian Keperluan Talian Komunikasi di Kawasan Luar Bandar dan Naik Taraf Infrastruktur Komunikasi Luar Bandar

2021-2022

SMARTSEL

- ✓ Pembinaan Menara Komunikasi

2c. Pelaksanaan Pemantauan Prestasi Rangkaian Komunikasi Secara Berjadual

2021-2025

BPM

- ✓ Network Monitoring (NMS) dan Troubleshooting Tool
- ✓ Ujian dan Verifikasi perkhidmatan ISP (Internet Service Provider) yang ditawarkan

STRATEGI :

3. Peningkatan Keselamatan Pusat Data dan Kesediaan Perkhidmatan Pendigitalan Pentadbiran Negeri

Program :


Tahun Sasaran
& Pemilik**3a. Kajian dan Pelaksanaan Naik Taraf
Infrastruktur Pusat Data BPM****2025**

BPM

- ✓ Perolehan baharu untuk sistem keselamatan pusat data
- ✓ Perolehan baharu bagi penggantian server
- ✓ Pelaksanaan pendekatan "*Block Chain*" bagi meningkatkan kapasiti perkakasan dan perisian
- ✓ Perolehan Perkakasan sokongan kedua dan Pelaksanaan *Backup Restore*
 - o Pengujian *backup* dan *restore* dilaksanakan satu (1) kali setahun pada setiap tahun berdasarkan keperluan standard ISO/IEC 27001:2013 ISMS
- ✓ Peluasan DRC kepada aplikasi kritikal lain
- ✓ Perolehan Tool untuk tujuan pemantauan dan penilaian tahap keselamatan Pusat Data

3b. Pelaksanaan Pusat Data Berpusat secara hibrid Negeri Selangor**2022-2025**BPM,
SSDU

- ✓ Pusat Pemulihan Bencana SUK Selangor (DRC)
- ✓ Smart Selangor Data Centre (SSDC)





TERAS 3: **Pemeriksaan Persekitaran Pendigitalan Pentadbiran Negeri**



STRATEGI :

**1. Pengukuhan Dasar dan Tadbir Urus
Pendigitalan Perkhidmatan
Pentadbiran Negeri**Simbol

- ✓ Skop
- o Sub Skop
- Fungsi
- Sub Fungsi

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**2021-2025**

BPM

**1a. Penubuhan Jawatankuasa Tetap
Pembudayaan Inovasi dan Smart Selangor**

- ✓ Dasar dan arah tuju pelaksanaan
- ✓ Penyelarasan Pelan Tindakan dan KPI
- ✓ Sokongan Polisi dan Garis Panduan Pelaksanaan Projek
- ✓ Sistem Pemantauan Projek
- ✓ Justifikasi PMO bagi pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian
- ✓ Perkongsian *Innovation Knowledge Hub*
 - o Hasil Inovasi
 - o *Content Technology*
 - o Smart Digital Infrastructure
 - o Incubator

**1b. Pembangunan Polisi dan Prosedur
Pendigitalan Perkhidmatan Negeri****2021-2023**

BPM

- i. Polisi Data Terbuka Negeri Selangor
 - ✓ Draf cadangan telah disediakan
 - ✓ Bagi menyokong inisiatif OD (*Open Data*)
- ii. Polisi Penggunaan Tandatangan Digital
- iii. Polisi Perkongsian Pintar
- iv. Polisi Penyediaan Infrastruktur Pendigitalan Negeri Selangor
- v. Garis Panduan Pelaksanaan Perkomputeran Awan Pentadbiran Negeri Selangor
- vi. Garis Panduan Kesediaan Talian Komunikasi
 - ✓ Liputan
 - ✓ Menara
 - ✓ Jenis Perkhidmatan

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik

**1c. Kemaskini Polisi dan Prosedur
Pendigitalan Perkhidmatan**

2021-2025

- i. Kandungan DKICT
 - ✓ Dilaksanakan secara berjadual
 - ✓ Kuatkuasa pematuhan DKICT
- ii. Pelan Pemulihan Bencana (DRP)
- iii. Garis Panduan Perolehan TMK
- iv. Garis Panduan Pengurusan Bilik Server
- v. SOP Penyelesaian Masalah Rangkaian
- vi. SOP Pinjaman Aset TMK

BPM

**1d. Pelaksanaan Skop Baharu Persijilan MS
ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan
Keselamatan Maklumat (ISMS)**

2022-2025

BPM

**1e. Pemantauan Berkala Pelaksanaan
PSPPSUK Selangor 2021-2025 dan
Semakan Semula**

2021-2025

BPM

Nota : PSTM: Perubahan nama kepada
Pelan Strategik Pendigitalan Pentadbiran
SUK Selangor (PSPPSUK)



STRATEGI :

**2. Pengukuhan Struktur Pengurusan Organisasi
Perkhidmatan Sistem Maklumat Pentadbiran Negeri**

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**2a. Kajian dan Cadangan Pengukuhan
Organisasi dan Kerjaya Perkhidmatan Sistem
Maklumat Negeri****2021-2025**

BPM

- ✓ Justifikasi (Kompleksiti, Model, Trade Off)
- ✓ Perubahan Struktur
- ✓ Pindah Butiran
- ✓ Jawatan Naik Pangkat/Flexi
- ✓ Pusingan kerja
- ✓ Roadmap kepakaran
- ✓ Skop Tugas
- ✓ Perjawatan Gunasama dan Kontrak
- ✓ Piawaian Norma Perjawatan
- ✓ Laluan Pantas

**2b. Pembangunan Piawaian Norma Perjawatan
Organisasi Perkhidmatan Sistem Maklumat
Negeri****2022-2023**

BPM

- ✓ Sebagai penanda aras bagi membantu agensi menjustifikasi keperluan perjawatan dan Penstrukturan Organisasi Sistem Maklumat Negeri
- ✓ Penyeragaman perjawatan
- ✓ Polisi standard norma jawatan mengikut kategori PBT (Bandaraya, Perbandaran, Majlis)
- ✓ Model Organisasi
- ✓ Parameter (kompleksiti dan kuantiti) untuk PBT dan Agensi Kerajaan Negeri



TERAS 4:
**Pengukuhan
Kepakaran dan
Kepimpinan Strategik
Pendigitalan
Pentadbiran Negeri**



STRATEGI :

**1. Pengukuhan Kemahiran dan Kepakaran
Personel Perkhidmatan Sistem
Maklumat Pentadbiran Negeri**Simbol

- ✓ Skop
- o Sub Skop
- Fungsi
- Sub Fungsi

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**1a. Pelaksanaan Latihan Teknikal TMK Secara
Berjadual****2021-2025**

BPSM, BPM

- ✓ Pembangunan Sistem
 - Pengaturcaraan
 - PHP/Laravel
 - Mobile Apps
- ✓ Keselamatan TMK
 - SPA
 - Alat Pengujian
 - Jaminan Kualiti Perisian
- ✓ Multimedia
 - Video Editing
 - Adobe
 - Tool
- ✓ Infrastruktur
 - Kursus Pembaikan dan Penyelenggaraan TMK
- ✓ Online Learning
 - eLearning
 - Langganan
- ✓ Persijilan Profesional TMK



Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik**1b. Pembangunan Pelan Kepakaran TMK
dan Laluan Kerjaya Perkhidmatan Sistem
Maklumat Negeri****2023-2024**


BPSM, BPM

- ✓ Profil Kemahiran dan Kepakaran TMK
- ✓ Bidang Kemahiran dan Kepakaran Kritikal
- ✓ Laluan Kerjaya Pantas
- ✓ Mewujudkan lebih banyak peluang peningkatan kerjaya perkhidmatan Sistem Maklumat Negeri
- ✓ Justifikasi Jawatan Kontrak kepada SUK penambahan perjawatan di pelbagai Gred jawatan
- ✓ Gred Perjawatan Flexi Time-based

**1c. Pelaksanaan Inisiatif Perkongsian Kepakaran
TMK Negeri****2024-2025**

BPSM, BPM

- ✓ Program Khidmat Nasihat Kepakaran TMK
- ✓ Meeting online
- ✓ Seminar
- ✓ Program Coaching dan Konsultasi



STRATEGI :

2. Pengukuhan Pembangunan Kapasiti Modal Insan dan Pembudayaan Pendigitalan Pentadbiran Negeri

Program :

Tahun Sasaran
& Pemilik

2a. Pelaksanaan Program Kesedaran dan Pembudayaan Pendigitalan Bersepadu

2021-2025

BPM, BPSM, BK, BKP

i. Latihan Teknikal TMK Asas

2021-2025

- ✓ Perisian Pejabat
- ✓ Peralatan Baharu
 - IoT
 - Peralatan Projek

BPSM, BPM

ii. Technology Update

2021-2025

- ✓ ISMS
- ✓ DKICT
- ✓ EA
- ✓ Open Data
- ✓ Big Data Analytics

BPM

iii. Program Hebahan Maklumat Secara Berkala

2021-2025

- ✓ Garis Panduan Pengurusan Aset TMK
- ✓ Garis Panduan Penjagaan dan Penggunaan Peralatan TMK
- ✓ Portal Selangor
- ✓ Portal GeoSmart Selangor
- ✓ Hari Terbuka TMK

BPM, BK, BKP

Program :


Tahun Sasaran
& Pemilik

**2b.Pelaksanaan Inisiatif Perkongsian
Kepimpinan Pendigitalan**

2022-2025

- ✓ Sesi libat urus Pengurusan Perubahan
- ✓ Program Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR)
- ✓ Perbanyakkan sesi libat urus dengan Bahagian-Bahagian SUK
- ✓ Sesi Perkongsian Innovation Knowledge Hub
 - o Hasil Inovasi
 - o Content Technology
 - o Smart Digital Infrastructure
 - o Incubator
- ✓ Kolaborasi Strategik dan Penanda Aras Pendigitalan
 - o SKMM
 - o MAMPU
 - o MDeC
 - o MBOT
 - o KKMM

BPM, BPSM, BKP




PERANCANGAN PELAKSANAAN INISIATIF TMK PENTADBIRAN SUK SELANGOR 2021-2025



PENUTUP

PSPPSUK Selangor 2021–2025, merupakan satu (1) dokumen blueprint rujukan yang bertujuan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan kerajaan negeri melalui pemanfaatan pendigitalan tuntas kearah mencapai “Selangor Negeri Pintar Berdayahuni di ASEAN 2025. Sebanyak 11 Strategi dan 35 Program serta 24 Sub Program yang terkandung dalam dokumen ini perlulah difahami dan dihayati oleh semua warga SUK Selangor. Oleh itu, harapan bagi merialisasikan pendigitalan pentadbiran negeri sebagai sinergi kelestarian masyarakat pintar dan peduli rakyat menjelang tahun 2025 akan tercapai.







Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Telefon : 03-5544 7000

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor :

<https://www.selangor.gov.my>

